

04 OCT 1999

MALAYSIA-CHINA

NAMA MALAYSIA, MAHATHIR PERMUDAH URUSAN PELABURAN

Oleh: Mohamad Nasir Yusoff

XIAMEN (China), 4 Okt (Bernama) -- Nama baik dan imej Malaysia yang tinggi di mata dunia serta ketokohan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad banyak membantu melicinkan urusan pelaburan dan perdagangan syarikat Malaysia di China.

Ini diperkuatkan lagi dengan ketekunan dan kesungguhan usaha para pelabur Malaysia sendiri yang melaksanakan projek-projek mereka sehingga berjaya dengan pengurusan yang cekap dan kos efektif.

Pengerusi Acmar International Group Datuk Abdul Samad Maharuddin, yang merupakan pelabur pertama dan utama di Xiamen, berkata hakikat itu banyak membantu mempermudah urusan pelaburan termasuk urusan rasmi dengan jabatan-jabatan kerajaan di sini.

"Kerana nama baik Malaysia dan kedudukan Dr Mahathir yang dihormati dan dikenali di sini, memang ini banyak membantu urusan kami," katanya kepada pemberita selepas perasmian Bangunan Jin Hock Hui (JHH Commercial Building), milik Acmar di sini.

Perasmian bangunan dua blok setinggi 10 tingkat berharga RM20 juta itu disempurnakan oleh Menteri Besar Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar, yang sedang dalam lawatan penggalakan pelaburan dan pelancongan ke China lewat petang semalam.

Abdul Samad berkata Acmar mula membina bangunan yang mempunyai keluasan lantai 100,000 kaki persegi itu pada pertengahan 1996 dan berjaya menyiapkannya mengikut jadual.

Bangunan yang terletak di persimpangan jalan Lian Qian Western Road, pusat bandar Xiamen itu sebahagiannya disewakan sebagai ruang pejabat, apartmen dan pejabat Acmar International.

Ia juga menempatkan restoran Malaysia yang pertama di Xiamen iaitu "Malaysia Restaurant" yang menawarkan pelbagai jenis masakan Melayu dan Cina Malaysia, yang agak pedas dan kini mula diminati penduduk di sini.

Acmar juga akan melaksanakan sebuah projek lagi iaitu membina dan menguruskan Pusat Kebudayaan Antarabangsa Xiamen di bandar pelabuhan tenggara China ini yang melibatkan pelaburan RM25 juta.

Pengarah Urusan Acmar International Group yang beribu pejabat di Klang, Datuk Steven Tee pula berkata bangunan itu akan mula dibina selepas Tahun Baru Cina tahun depan dan dijangka siap dalam masa dua setengah tahun.

Bangunan 25 tingkat itu yang 80 peratus ekuitinya dipegang oleh Acmar dan selebihnya oleh rakan kongsi tempatan akan menawarkan "service apartment", pusat membeli belah dan pejabat.

"Acmar memilih Xiamen sebagai tapak bagi pelaburannya di China kerana beberapa faktor iaitu bandar pelabuhan dalam Wilayah Fujian ini merupakan satu daripada lima bandar tumpuan untuk dibangunkan dengan pesat oleh Kerajaan China.

"Keduanya, ia merupakan wilayah utama asalnya sebilangan besar orang China seberang laut termasuk penutur loghat Hokkien di Malaysia, dan ketiganya ia merupakan bandar pelabuhan dan bandar terbersih di China dan cuacanya tidak banyak berbeza dengan Malaysia," katanya.

Mengulas mengenai peranan lain Acmar dalam mempromosikan Selangor setelah pelantikannya sebagai agen bagi Syarikat Pelaburan Kerajaan Selangor (SSIC), beliau berkata tindakan Acmar ialah membuka sebuah pejabat khas bagi menarik pelaburan dari China ke Selangor.

Seorang pegawai khas ditugaskan di Bangunan JHH yang akan melayani setiap pertanyaan, membuat penggalakan dan mengadakan pameran peluang

pelaburan di Selangor serta menyelaraskan dan memudahkan kemasukan pelaburan ke Selangor.

Steven berkata dalam menggalakkan pelancongan masuk ke Selangor pula, Acmar juga akan membawa masuk rombongan kebudayaan Malaysia bagi mengadakan persembahan di sini di samping menganjurkan pesta makanan Malaysia.

"Kita dapati ini perlu kerana selama ini yang diketahui di sini hanyalah makanan yang dikaitkan dengan nama negara-negara jiran kita... sedangkan kita sendiri mempunyai banyak kelebihan dan keunikan makanan berbilang bangsa," katanya.

Acmar International di Xiamen juga membuka sebuah pusat induksi bagi memperkenalkan Malaysia kepada para pelajar China yang kini menunjukkan minat mendalam untuk melanjutkan pelajaran di Malaysia.

Pusat berupa dua kelas yang boleh menampung 50 pelajar untuk tempoh induksi selama enam bulan itu memberi pendedahan kepada pelbagai aspek budaya dan cara hidup rakyat Malaysia berbilang bangsa di samping mengajar kursus bahasa Inggeris.

"Kami menyelaraskan pemilihan pusat pengajian tinggi di Malaysia mengikut kesesuaian minat dan kelulusan mereka dan syarat-syarat kemasukan mengikut keperluan Malaysia, katanya.

Acmar merupakan sebuah syarikat pembangunan hartanah di Malaysia yang projek utamanya ialah pembangunan bersepadu Bandar Baru Klang bernilai lebih RM2 bilion.

-- BERNAMA

MNY SBJ AA